

20 DEC 1999

Fadzil-Bantah

PEMBANGKANG TETAP ANGKAT SUMPAH WALAUPUN MEMBANTAH

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Semua anggota parlimen pembangkang bertindak keluar daripada persidangan Dewan Rakyat ke-10 hari ini sebelum mengangkat sumpah jawatan kerana mendakwa persidangan dewan tidak sah.

Mereka mula meninggalkan dewan pada kira-kira pukul 10.55 pagi. Bagaimanapun, Presiden Parti Keadilan Nasional Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan Presiden Parti Bersatu Sabah (PBS) Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan berada seketika di dalam dewan.

Wan Azizah dan Pairin hanya keluar daripada dewan kira-kira pukul 11 pagi iaitu sebaik sahaja Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hendak memulakan angkat sumpah beliau.

Antara yang keluar itu ialah 25 anggota PAS, 10 (DAP), lima (Keadilan) dan tiga (PBS). Dua lagi anggota PAS iaitu Abdul Hadi Awang (Marang) dan Mustafa Ali (Dungun) tidak hadir pada majlis tersebut.

Anggota pembangkang terbabit hanya masuk semula ke dalam dewan pada pukul 12.15 tengah hari bagi mengangkat sumpah jawatan masing-masing.

Ketua Pembangkang, Datuk Fadzil Mohd Nor yang ditemui di lobi Parlimen berkata pihaknya bertindak keluar dewan sebagai tanda protes terhadap persidangan kali ini yang dianggap sebagai tidak sah mengikut Perlembagaan.

Beliau berkata persidangan ini tidak sah kerana notis memanggil mesyuarat Parlimen bertarikh 13 Dis yang dikeluarkan oleh Yang di-Pertuan Agong dibuat tanpa mendapat nasihat daripada Jemaah Menteri yang hanya dibentuk pada 14 Dis.

Menurutnya, pihaknya bagaimanapun membuat keputusan untuk menyertai upacara mengangkat sumpah bagi membolehkan semua anggota pembangkang mengambil bahagian dalam sesi perbahasan di Dewan Rakyat.

"Kita akan mengangkat sumpah, tetapi dengan bantahan. Angkat sumpah ini penting bagi membolehkan kami menunaikan tanggungjawab yang diamanahkan oleh rakyat," katanya.

Ditanya kenapa Wan Azizah keluar dewan agak lewat dan adakah rancangan untuk keluar dewan diputuskan dalam mesyuarat pra-majlis Barisan Alternatif semalam, Fadzil berkata: "Pergi tanya dialah...walaupun dia tidak keluar tetapi setakat yang saya maklum, dia (Wan Azizah) membantah sama seperti anggota pembangkang lain."

Wan Azizah yang ditemui di lobi Parlimen berkata beliau memprotes persidangan Dewan Rakyat kali ini kerana ia dibuat tidak mengikut Perlembagaan.

"Demokrasi yang sebenarnya mestilah berasaskan undang-undang. Adalah tidak patut Barisan Nasional bertindak sesuka hati semata-mata kerana ia mempunyai suara dua pertiga dalam Parlimen," katanya.

Pairin berkata beliau juga bersetuju dengan tindakan anggota-anggota pembangkang lain yang memprotes persidangan Dewan Rakyat kali ini.

--BERNAMA

NHA NY zb